



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

Keratan Akhbar

Berita Online

i

24 JAM

BERITA

KPDN

KERATAN AKHBAR & BERITA ONLINE

Untuk makluman:

- | | |
|-----------------------|---------------------|
| ● YB Menteri | ● YBhg. TKSU (PPDN) |
| ● YB Timbalan Menteri | ● YBhg. TKSU (PP) |
| ● YBhg. KSU | ● Setiausaha Akhbar |

Tarikh: 1 Mac 2024



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR **KPDN**

Minda Pengarang



Pantau, pastikan tiada pihak ambil kesempatan naikkan harga

Hari ini kenaikan kadar cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus daripada enam kepada lapan peratus dikuat kuasa kepada perkhidmatan kemahuan (discretionary) dan aktiviti antara perniagaan (B2B), manakala perkhidmatan keperluan penting seperti makanan dan minuman, parkir kenderaan, telekomunikasi serta logistik pula kekal pada kadar sedia ada. Langkah ini untuk memastikan rakyat tidak dibebani dengan kadar cukai kepenggunaan lebih tinggi, khususnya dalam perkhidmatan menjadi keperluan asas serta sebahagian daripada gaya hidup di negara ini.

Malah, cukai perkhidmatan juga tidak akan dikenakan kepada perkhidmatan air dirawat, manakala hampir 85 peratus pengguna elektrik berada di bawah 600 kilowatt sejam (kWj) tidak terkesan dengan kenaikan cukai dikenakan, sebaliknya terus menikmati cukai perkhidmatan sifar bagi bil elektrik mereka. Antara tidak dikenakan juga ialah perkhidmatan penghantaran makanan dan minuman, sekali-gus tidak mencetuskan sebarang gangguan tidak diingini dalam ekonomi gig yang rata-ratanya membabitkan generasi muda dan masyarakat umum yang mahu meningkatkan pendapatan mereka.

Kita memahami perubahan kadar cukai itu antara usaha menjayakan transformasi ekonomi tetapi dilakukan dengan pendekatan berhati-hati dalam usaha mereformasi sistem percukaian negara. Justeru di sebalik keperluan mengembangkan hasil negara dan memperkuuhkan dasar fiskal melalui perluasan asas cukai, kerajaan perlu menimbang dengan mengambil kira keperluan melindungi rakyat daripada beban berlebihan.

Bagaimanapun, kita mengingatkan kerajaan bahawa sebarang perubahan dalam sistem percukaian akan tetap memberikan kesan kepada pengguna sama ada secara langsung maupun tidak ibarat kata pepatah tanah lembab kandungan air, kayu bengkok titian kera, bermakna tiap-tiap suatu sebab itu akan diikuti oleh sebab lain. Antaranya, peningkatan kos dalam menjalankan perniagaan hingga memungkinkan kenaikan cukai, itu disalurkan kepada pengguna dan penerima akhir; sekali-gus menyebabkan cukai ke atas cukai boleh menyebabkan harga meningkat pada paras lebih tinggi.

Justeru, kita meminta kerajaan terutama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak (KPDN) untuk melipatgandakan pemantauan harga dan penguatkuasaan undang-undang supaya tidak ada penilaia mengambil kesempatan untuk menaikkan harga barang terutama keperluan harian rakyat. Ini termasuk memastikan saluran aduan orang ramai sama ada melalui talian hotline, media komunikasi seperti WhatsApp atau media sosial berfungsi dengan optimum terutama untuk memberikan tindak balas pantas.

Pada masa sama, kita menyarankan kerajaan terus memberikan penerangan kepada rakyat mengenai barang dan perkhidmatan yang mengalami kenaikan serta dikecualikan dari semasa ke semasa melalui media massa seperti akbar, televisyen dan radio serta media digital termasuk media sosial. Langkah ini bukan sahaja dapat memastikan masyarakat dapat menjadi pengguna yang bijak, malah tidak salah faham terhadap tujuan reformasi sistem percukaian negara untuk kepentingan masa depan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

KERATAN AKHBAR AGENSI



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Sidang Dewan Rakyat

Kementerian, MyCC siasat unsur kartel industri beras

Beri kerjasama penuh sehingga siasatan selesai mengikut Akta Persaingan 2010

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan dan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) menyiasat dakwaan wujudnya unsur mafia atau kartel dalam industri padi dan beras.

Menterinya, Datuk Seri Mohamad Sabu, berkata kerjasama itu membabitkan siasatan mengikut Akta Persaingan 2010.

"Kerjasama penuh akan diberikan kepada MyCC sehingga siasatan selesai dijalankan," katanya melalui jawapan bertulis yang disiarkan di laman web Parlimen semalam.

Beliau berkata demikian menjawab soalan Hassan Abdul Karim (PH-Pasir Gudang) yang menuntut penjelasan daripada menteri sama ada wujud unsur mafia dalam industri beras di Malaysia.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim menegaskan cadangan untuk melaksana beras putih Malaysia MADANI mampu mengekang industri beras negara dari kawalan oleh pihak kartel.

Beliau berkata demikian mengulas gesaan Ketua Pemuda UMNO, Dr Akmal Saleh yang memintanya untuk tidak membenarkan cadangan beras putih Malaysia MADANI dilaksanakan kerana didakwa seperti menyokong perbuatan kartel yang mencampurkan beras tempatan dan beras import.

Padi dalam negara kurang

Mengenal soalan Hassan ke mana perginya beras tempatan sehingga orang ramai berdepan kesukaran mendapatkan bekalan, Mohamad berkata, kenaikan harga beras import akibat tekanan daripada ketidaktentuan harga beras global, dasar negara pe-



Disebabkan perbezaan harga yang ketara di antara beras tempatan dengan import, terdapat peningkatan permintaan yang berterusan terhadap beras tempatan untuk kegunaan isi rumah.

Mohamad Sabu,
Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan

ngeksport dan kemerosotan ringgit mempengaruhi kenaikan harga beras import dan kekurangan hasil pengeluaran padi dalam negara.

Ia juga, katanya, memberi kesan langsung kepada keberadaan bekalan beras putih tempatan di pasaran.

"Disebabkan perbezaan harga yang ketara di antara beras tempatan dengan import, terdapat peningkatan permintaan yang berterusan terhadap beras tempatan untuk kegunaan isi rumah.

"Faktor lain dikenal pasti juga

mempengaruhi ketabilan bekalan beras tempatan di pasaran awam, iaitu pembelian tinggi oleh pengusaha kedai makanan dan restoran, serta pihak industri yang mengeluarkan produk sampingan beras, penggunaan beras di dalam tender-tender makanan kerajaan dan beras sebagai medium pembayaran zakat," katanya.

Beliau berkata, pada kadar saera diri beras 62.6 peratus, pengeluaran beras semasa di dalam negara tidak dapat menampung keperluan tempatan.



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI
DAN KOS SARA HIDUP

BERITA ONLINE KPDN



UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

BERITA ONLINE BERTARIKH 1 MAC 2024			
TARIKH	TAJUK	PAUTAN	MEDIA
1-Mar	Bekalan gula, minyak di Sandakan mencukupi	https://www.dailyexpress.com.my/news/229669/bekalan-gula-minyak-di-sandakan-mencukupi/	DAILY EXPRESS
1-Mar	KPDN Sandakan rekod nilai rampasan lebih RM200,000 sejak Januari	https://www.sabahgazette.com/kpdn-sandakan-rekod-nilai-rampasan-lebih-rm200000-sejak-januari/	SABAH GAZETTE
1-Mar	KPDN Sandakan catat nilai rampasan RM205,288 libatkan 25 kes	https://sabahmedia.com/2024/02/29/kpdn-sandakan-catat-nilai-rampasan-rm205288-	SABAH MEDIA
1-Mar	Penduduk Yan syukur ada Jualan Rahmah bergerak	https://thesun.my/cerita/penduduk-yan-syukur-ada-jualan-rahmah-bergerak-KH12156738	THE SUN
1-Mar	Penduduk Yan syukur ada Jualan Rahmah bergerak	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2274727	BERNAMA
1-Mar	Pemandu bas hisap rokok ketika isi minyak dilaporkan kepada KPDN	https://www.sinarharian.com.my/article/652110/berita/semasa/pemandu-bas-hisap-rokok-ketika-isi-minyak-dilaporkan-kepada-kpdn	SINAR HARIAN
1-Mar	Lelaki merokok ketika isi minyak bas dilapor pada KPDN	https://www.freemalaysiatoday.com/amp/category/bahasa/tempatan/2024/03/01/lelaki-merokok-ketika-isi-minyak-bas-dilapor-pada-kpdn/	FMT
1-Mar	Pemandu bas hisap rokok sambil isi minyak, pemilik stesen buat aduan pada KPDN	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pemandu-bas-hisap-rokok-sambil-isi-minyak-pemilik-stesen-buat-aduan-pada-kpdn-460363?amp=1	ASTRO AWANI
1-Mar	Pemandu bas hisap rokok ketika isi minyak dilaporkan kepada KPDN	https://www.buletintv3.my/nasional/pemandu-bas-hisap-rokok-ketika-isi-minyak-dilaporkan-kepada-kpdn/	BULETIN TV3

1-Mar	Sembilan keluarga terima sumbangan bakul makanan	https://sabahmedia.com/2024/02/29/sebilan-keluarga-terima-sumbangan-bakul-	SABAH MEDIA
1-Mar	Pantau, pastikan tiada pihak ambil kesempatan naikkan harga	https://www.bharian.com.my/amp/berita/nasional/2024/03/1218239/pantau-pastikan-tiada-pihak-ambil-kesempatan-naikkan-harga	BH
1-Mar	Cukai perkhidmatan mula naik esok, ini yang anda perlu tahu...	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2024/02/1065521/cukai-perkhidmatan-mula-naik-esok-ini-yang-anda-	HM